

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	6/4/2012

Rencana

Suara Blog

Duit minyak Petronas, wang pinjaman PTPTN

"SIAPA akan mengetuai Petronas jika pembangkang berjaya memerintah?" Soalan itu pernah diajukan seorang rakan. Tidak sukar sebenarnya untuk mencari jawapan bagi soalan tersebut. Berdasarkan kedudukan aset dan kewangan yang dimiliki syarikat petroleum nasional itu, sudah tentu ramai yang mendambakannya.

Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri membayangkan akan menggunakan sumber kewangan Petronas untuk memenuhi janji-janji pembangkang kepada rakyat, baik janji menurunkan harga petrol, menyediakan pendidikan percuma, mengawal harga barang dan lain-lain, semuanya disandarkan kepada Petronas.

Ibaratnya, jika Petronas menggali minyak, pembangkang pula akan "menyedut" Petronas habis-habisan.

Itulah yang didakwa blog **Gelagat Anwar** (gelagatanwar.wordpress.com). Anwar yang pernah mengetuai Kementerian Kewangan itu cukup yakin untuk membelanjakan antara RM10 bilion hingga RM20 bilion wang Petronas bagi memuaskan cita-cita politiknya.

Katanya, Anwar sentiasa mendakwa dirinya mendapat maklumat terbaru dan dari dalaman organisasi itu tentang bagaimana



Lukman Ismail
lukman@utusan.com.my



wang Petronas boleh digunakan untuk membawa beliau menduduki Putrajaya.

"(Malangnya) Anwar sebenarnya tidak maklum bahawa DAP dan Pas kini semakin tidak selesa dengan janji-janji kosong Anwar. Kalangan intelektual dalam DAP dan Pas sendiri sudah meragui bahawa semua masalah dapat diselesaikan dengan duit Petronas.

"(Tetapi) Anwar tidak kisah semua itu. Pasti Anwar banyak belajar bagaimana Pertamina (syarikat minyak dan gas Indonesia) menjadi alat pemerintah sehingga meningkatkan kemampuan syarikat terbabit tampil dengan lebih cemerlang," akui blog itu.

Malah janji Anwar untuk menghapuskan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) jika pembangkang memerintah juga dikaitkan dengan sumber kewangan dari Petronas. Pendek kata

Petronaslah "nadi" bagi pembangkang untuk memenangi hati rakyat.

Pembangkang boleh sahaja menjanjikan bulan dan bintang termasuk menghapuskan pinjaman PTPTN tetapi apakah mereka memikirkan alternatif lain untuk menggantikan tabung tersebut? Bayangkan jika tiada lagi bantuan kewangan untuk melanjutkan pelajaran, apakah akan jadi kepada anak-anak kita, khususnya orang Melayu yang tidak berkemampuan?

Tiada pinjaman PTPTN mungkin tidak menjadi masalah dan halangan untuk anak-anak kaum lain melanjutkan pelajaran mereka ke institusi pengajian tinggi (IPT) baik awam mahupun swasta. Selain lebih berkemampuan, mereka juga sejak awal menyediakan peruntukan untuk pembelajaran anak-anak mereka.

Malah bagi blog **Perak Today** (peraktoday.com) pula membayangkan banyak institusi pengajian tinggi swasta yang akan gulong tikar kerana mereka juga bergantung kepada wang dari PTPTN untuk beroperasi.

Kira-kira RM50 bilion diperlukan untuk menampung kos pengurusan pusat-pusat pengajian tinggi di Malaysia yang meliputi bayaran gaji pensyarah, kos penyelenggaraan

dan operasi keseluruhan.

"Dengan kos yang begitu tinggi, kolej atau universiti swasta akan terjejas teruk jika PTPTN dihapuskan kerana pelajar-pelajar mereka yang majoritinya terdiri dari bukan Melayu, amat bergantung kepada dana ini untuk melanjutkan pelajaran.

"Kaum Melayu mungkin masih mempunyai alternatif lain seperti Mara ataupun pinjaman JPA (Jabatan Perkhidmatan Awam) tetapi ia pastinya terhad dan tidak mampu menampung kesemua pelajar yang layak mendapat bantuan," kata blog ini.

Walaupun begitu, **Perak Today** mungkin lupa bahawa Mara juga mungkin akan senasib PTPTN di bawah pemerintahan pakatan pembangkang kerana mereka khususnya DAP sudah lama "tidak selesa" dengan agensi itu yang dilihat lebih banyak memberi tumpuan membantu orang Melayu.

Jadi, jika Mara juga dibubarkan, ke mana lagi anak-anak kita boleh mendapatkan bantuan kewangan untuk melanjutkan pelajaran sedangkan kos pengajian di institusi pengajian tinggi bukan sedikit.

Adamyam dalam **MyKMU** (www.mykmu.net) berkata, soal menghapuskan PTPTN tidak pernah dibincang dan dicanang dengan serius

tetapi semuanya berubah apabila Anwar menyebutnya dalam satu majlis Jumaat lalu, tanpa dibincangkan terlebih dahulu dengan barisan kepimpinan partinya sendiri.

"Sebagai seorang oportunis, Anwar tidak ragu-ragu melepaskan segala macam janji yang dia fikir mampu menarik sokongan rakyat kepada PKR dan pakatan haram pimpinannya - pedulilah boleh laksana atau tidak.

"Semua ini seharusnya menjadi petunjuk kepada rakyat dan peminjam PTPTN yang berangan-angan tidak perlu membayar semula pinjaman mereka sekiranya pakatan haram ini mengambil alih tampuk pemerintahan negara, yang Anwar sebenarnya hanya berniat menipu, bukan benar-benar ingin melaksanakan (hapus PTPTN)," katanya.

Justifikasinya mudah, Anwar masih tidak ada pelan penuh untuk memungkinkan penghapusan PTPTN dan beliau juga tidak ada jalan keluar untuk membantu golongan miskin melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi, selepas PTPTN dihapuskan.

Justeru segala janji Anwar termasuk menghapuskan PTPTN tidak lebih sekadar gula-gula untuk menyedapkan hati rakyat sedangkan kenyataannya jika tabung itu ditutup rakyat yang menanggung derita.